

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Bahasa Perancis 9303/1 Ujian Penulisan mengandungi 5 soalan. Tiada pilihan, semua soalan wajib dijawab oleh calon. Calon diberi masa 2½ jam untuk menjawab kesemua soalan tersebut.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya prestasi calon meningkat pada tahun ini. Kebanyakan calon dapat menguasai hukum Bahasa Perancis yang dipelajari.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami kehendak soalan dan menjawabnya dengan betul. Penyampaian idea amat menarik. Mereka mampu menjawab dengan bijak (ini menunjukkan bahawa mereka memahami konsep dengan baik). Kematangan calon semasa menjawab karangan amat dibanggakan.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Jawapan yang diberi kurang tepat. Mungkin mereka memahami soalan tetapi masih belum dapat menguasai hukum bahasa dan ini menyebabkan jawapan kurang sempurna.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Kurang membaca membuatkan mereka lemah semasa menjawab soalan. Menunjukkan mereka tidak memperuntukkan masa untuk mempelajari tatabahasa dan sebagainya. Walau bagaimana pun, kumpulan ini tidak ramai dan tidak membimbangkan.

PRESTASI TERPERINCI**Bahagian A (Soalan Kefahaman)**

Semua calon dapat menjawab dengan baik. Calon mencari jawapan dari petikan karangan yang diberi. Terdapat juga calon yang bijak memberi jawapan dengan menggunakan perkataan sendiri tanpa meniru ayat yang terdapat dalam teks. Ini adalah satu kemahiran yang dibanggakan.

Bahagian B (Soalan 2)

Soalan ini menguji kecekapan calon. Calon dikehendaki mengisi tempat kosong dengan menggunakan SATU perkataan sahaja. Ujian ini menguji kemahiran calon kerana mesti memberikan hanya jawapan yang tepat sahaja.

Calon perlu menguasai kata sifat, kata kerja, kata nama, kata adjektif, artikel dan sebagainya. Beberapa orang calon keliru dengan aspek “masculin” dan “feminin” dalam bahasa Perancis

Contoh : Soalan 2 [ix] ‘*Les gares de 13 grandes ---[ix]-- françaises ont participé ;* jawabannya ‘*villes*’ kerana jawapan mesti berbentuk ‘feminin’ dan bukan ‘masculin’

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon melengkapkan dialog. Majoriti calon menjawab dengan baik kerana kemungkinan telah didedahkan dengan teknik menjawab soalan berbentuk dialog.

Soalan 4 : Karangan

Calon dimestikan menulis karangan berdasarkan keterangan yang diberi. Ada yang tidak menguasai ‘masa lampau [‘au passé’]. Ramai calon berjaya menghasilkan sebuah karangan yang mantap. Karangan yang ditulis tepat, menarik, dan sempurna. Ini menunjukkan bahawa mereka banyak membaca dan membuat latihan.

Soalan 5

Soalan ini memerlukan calon jawapan sesuai bagi setiap situasi yang dikemukakan. Semua jawapan di terima selagi respon yang ditulis mempunyai jawapan yang logik.

SARANAN KEPADA CALON

1. Perlu banyak membaca untuk menambah perbendaharaan kata dan memperbaiki kebolehan penulisan.
2. Banyakkan latihan penulisan agar dapat menulis dengan baik. Latihan lisan pula dapat membolehkan calon berkomunikasi dalam bahasa Perancis dan akan membolehkan calon menjawab semua soalan dengan cemerlang terutamanya soalan ke 5.
3. Merangka jawapan terlebih dahulu sebelum menulis di kertas jawapan terutamanya soalan karangan
4. Baca dengan teliti soalan sebelum menjawab.

SARANAN KEPADA GURU

1. Mendedahkan format peperiksaan kepada calon.
2. Sentiasa memberi latihan lisan dan bertulis.
3. Pengajaran perlu menarik minat calon. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran mesti dititikberatkan.

4. Guru mesti menguasai tatabahasa dengan baik.
5. Faktor yang mempengaruhi kecermelangan keputusan bahasa Perancis ialah ; ketekunan calon, guru, penglibatan secara aktif pihak pentadbir dan juga faktor persekitaran.
6. Calon perlu dimaklumkan bahawa Bahasa asing seperti bahasa Perancis perlu dikuasai oleh sebilangan rakyat Malaysia jika ingin lebih maju lagi dalam dunia tanpa sempadan. Bahasa ini merupakan satu aset ke arah menguasai 'Information Technology'.